



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 30 OKTOBER 2024 (RABU)

MEDIA ELEKTRONIK (AKHBAR ONLINE / TELEVISYEN / RADIO)

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• KUTIP SAMPAH PUKAL PERAYAAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	SELANGORKINI	MBDK MBSA MBPJ MPAJ	• KARNIVAL KLANG ERAT PERPADUAN • BERSIH PARIT ERONG ELAK BANJIR • DANA TAMBAH BAIK SISTEM SALIRAN • SEDIA PERUNTUKAN KEJIRANAN SELAMAT • BINA PENGHADANG ELAK RUNTUHAN
2.	THE STAR	MBSA MBPJ	• BETTER INTER-AGENCY COOPERATION NEEDED TO MANAGE SHAH ALAM FLOODS • MBPJ TO STUDY MARKET TRADERS' PAYMENT SYSTEM
3.	UTUSAN MALAYSIA	DBKL	• DBKL PERTIMBANG BANGUNKAN SISTEM TEROWONG UTILITI
4.	THE SUN	DBKL	• CONSIDER COMMON UTILITY TUNNEL SYSTEM, KL CITY HALL URGED

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	SELANGORKINI	• TINGKAT SISTEM SALIRAN ATASI BAH • TOL PERCUMA SEMPENA DEEPAVALI
2.	THE STAR	• FUN EVENT WITH CREATURES BIG, SMALL AND SCALY
3.	SINAR HARIAN	• DEEPAVALI: TRAFIK DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 2.1 JUTA KENDERAAN • PENYASARAN SUBSIDI TETAP DITERUSKAN • UBAH SUAI SST, MASUKKAN CIRI PENTING GST
4.	KOSMO	• SUBSIDY RON95 DEMI MANFAAT 85 PERATUS GOLONGAN BAWAHAN • KERAJAAN SEDANG KAJI SEMULA TAKRIFAN T15
5.	HARIAN METRO	• ALIRAN TRAFIK 2.62 JUTA SEHARI
6.	BERITA HARIAN	• TEBATAN BANJIR PERLU PENDEKATAN HOLISTIK, PERANCANGAN PEMBANGUNAN • DASAR MESRA KELUARGA TINGKAT TENAGA KERJA WANITA
7.	UTUSAN MALAYSIA	• KDNK AWALAN SUKU KETIGA DIANGGAR 5.3%
8.	THE SUN	• NEW APPROACH TO URBAN PLANNING NEEDED: DPM • RM50 MILION FOR WOMEN ENTREPRENEURS



Kutip sampah pukal perayaan

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menawarkan perkhidmatan kutipan sampah pukal percuma sempena sambutan Deepavali sehingga 30 Oktober.

Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik MBSJ memaklumkan perkhidmatan berkenaan disediakan KDEB Waste Management (KDEBWM) untuk penduduk di kawasan perumahan teres sahaja.

Menurut pihak berkuasa tempatan itu, keutamaan permohonan melalui talian aplikasi WhatsApp KDEBWM 011-3558 4437 diberi kepada penduduk yang menyambut perayaan Deepavali.

"Pemohon akan dihubungi oleh pihak KDEBWM bagi menetapkan tarikh pelaksanaan kutipan dan dikehendaki meletakkan sampah pukal masing-masing di hadapan rumah," kata kenyataan.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 30 OKTOBER 2024



Karnival Klang erat perpaduan

KLANG -Lebih 8,000 pengunjung meriahkan Karnival Bandaraya Diraja Klang yang berlangsung tiga hari di Kompleks Sukan Pandamaran di sini.

EXCO keusahawanan berkata karnival bermula 25 Oktober itu sempena setahun pengiktirafan Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) sebagai bandar raya.

"Penganjuran karnival ini dilihat dapat memupuk semangat perpaduan

dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara warga kerja MBDK dan pengunjung.

"Karnival ini mendapat sambutan baik daripada pelbagai lapisan masyarakat," kata Najwan Halimi ketika perasmian yang turut memuji komitmen warga kerja MBDK kerana membawa perubahan besar dalam tempoh singkat sejak diiktiraf bandar raya.

"Setahun Klang menjadi bandar

raya, banyak projek fizikal berjaya dan sedang giat dilaksanakan MBDK.

"Syabas dan teruskan usaha ini selain mempertingkatkan kualiti perkhidmatan untuk kesejahteraan warga Klang," katanya.

Karnival berkenaan diisi dengan pelbagai acara menarik antaranya persembahan nyanyian beberapa penyanyi seperti legenda rock Datuk Awie, Hazama, Suki Low, Tajul dan Baby Shima.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 30 OKTOBER 2024



Bersih parit erong elak banjir

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam
glat menjalankan kerja membersihkan parit
erong bagi mengelak banjir kilat.

Menurut Datuk Bandar Shah Alam Dato'
Mohd Fauzi Mohd Yatim, kawasan berisiko
bah jika hujan lebat antaranya di Jalan Ke-
bun, Taman Sri Muda dan sekitar perkara-
ngan Stadium Shah Alam.

"Parit erong adalah laluan air di tepi-tepi
jalan milik majlis yang berfungsi membawa
air ke longkang besar. Punca parit erong ini
tersumbat kerana daun, sampah serta si-
sa-sisa binaan.

"Kita fokus kerja pembersihan di parit
erong tersumbat khususnya di jajaran uta-
ma dinaiki air dengan menggerakkan Ja-
batan Kejuruteraan dan Sisa Pepejal," kata-
nya pada 22 Oktober.

Mohd Fauzi memberitahu pihaknya turut
bermesyuarat bagi mendapatkan perkem-
bangan terkini Monsun Timur Laut.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 30 OKTOBER 2024



Dana tambah baik sistem saliran

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menyambut baik peruntukan segera RM150 juta kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam Belanjawan Madani 2025 baru-baru ini.

Datuk Bandar Shah Alam Dato' Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata pihaknya akan memanfaatkan dana tersebut bagi menampung kos menaik taraf sistem saliran yang menelan belanja yang tinggi.

"Dengan adanya dana segera ini, kita dapat memberi tumpuan kepada isu banjir seperti kerja naik taraf dan baik pulih beberapa sistem saliran di kawasan yang dikenal pasti berisiko banjir.

"PBT memang memerlukan peruntukan tambahan kerana penyelenggaraan sistem tersebut menggunakan perbelanjaan tinggi," katanya pada 22 Oktober.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 30 OKTOBER 2024



MBPJ salur RM600,000

Sedia peruntukan kejiranan selamat

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menyediakan peruntukan RM600,000 bagi menjayakan Program Pasukan Keselamatan Kejiranan Petaling Jaya (PKKPJ) pada tahun depan.

Menurut Datuk Bandar Mohamad Zahri Samingon, usaha itu bagi memastikan Petaling Jaya menjadi kawasan selamat dan selesa didiami semua selaras inisiatif Thematic Safe and Resilient City.

Katanya, dana RM3,000 diberi tahun ini kepada 138 permohonan PKKPJ meliputi 70 persatuan penduduk, rukun tetangga (38), badan pengurusan bersama (28) dan majlis pengurusan komuniti kampung (2).

"Program ini memberi dampak baik melalui peningkatan penglibatan penduduk, bilangan rondaan keselamatan dan kesedaran keselamatan kejiranan," katanya dalam Mesyuarat Majlis Khas (Bajet 2025) MBPJ pada 22 Oktober.

Selain itu, sebanyak RM700,000 disediakan bagi menaik taraf Pusat Bandar Damansara Jaya melibatkan

Seksyen 14 dan 8 bawah Program Bandar Bebas Halangan.

Mohamad Zahri juga memaklumkan MBPJ turut menyediakan dana RM400,000 untuk menyelesaikan masalah pokok berisiko di kawasan perumahan dan sekitar pusat bandar Seksyen 52.

Sebanyak 98 laporan kejadian pokok tumbang melibatkan 94 pokok dan 230 dahan sekah diterima setakat 25 Mei.

Sementara itu, MBPJ menyediakan peruntukan RM3.9 juta bagi naik taraf beberapa kemudahan rekreasi dan laluan pejalan kaki pada tahun hadapan.

Mohamad Zahri memberitahu pihaknya bertekad untuk memastikan kemudahan berkenaan merangsang gaya hidup sihat dan integrasi sosial masyarakat setempat.

Selain itu, MBPJ turut memperuntuk RM900,000 untuk menaik taraf Urban Park 1 di sini pada tahun depan.

Mohamad Zahri berkata projek tersebut antaranya laluan pejalan kaki, ruang pelbagai guna, tandas awam, pengindahan dan sistem saliran dilaksanakan di kawasan seluas kira-kira 4.9 hektar.

"Program bawah Rejuvenasi Taman Rakyat bermula tahun depan. Usaha ini seiring tema bandar rendah karbon bagi memastikan penduduk menikmati taman yang lebih indah dan terurus."

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 30 OKTOBER 2024



Bina penghadang elak runtuh

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Ampang Jaya memasang penghadang sementara bagi mengelakkan kejadian tanah runtuh di Taman Melawati, Ampang Jaya berulang.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu semua penduduk terjejas ketika ini dibenar pulang ke rumah masing-masing selepas kawasan berkenaan didapati selamat.

"Kita menerima laporan (tanah runtuh) cuma belum bentangkan dalam Majlis Tindakan Ekonomi. Kita akan teliti laporan berkenaan sebelum mengambil tindakan lanjut," katanya pada 24 Oktober.

Pada 15 Oktober, penghuni di 20 rumah berhampiran Jalan E6, Taman Melawati, dekat Ampang diarah berpindah sebagai langkah berwaspada susulan kejadian tanah runtuh akibat hujan lebat.

Seramal 23 mangsa dari tujuh keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara Dewan Orang Ramai Jalan E5 di Taman Melawati, selebihnya memilih tinggal bersama keluarga lain.

Pada 17 Oktober, semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing atas persetujuan semua agensi terlibat dalam kerja pembaikan tanah runtuh tetapi mereka dinasihati supaya berwaspada.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 30 OKTOBER 2024



Tingkat sistem saliran atasi bah

SHAH ALAM - Projek naik taraf saliran berupaya mengatasi masalah banjir yang berlarutan hampir 30 tahun di Taman Muda, Ampang Jaya.

Wakil rakyat Teratai Yew Jia Haur menjelaskan inisiatif tersebut sebahagian kandungan manifestonya dalam pilihan raya negeri tahun lalu.

“Walau banjir masih berlaku tetapi kes dikurangkan selepas saya meminta Majlis Perbandaran Ampang Jaya naik taraf sistem saliran dengan kos sekitar RM3 juta,” katanya pada 23 Oktober.

Jia Haur juga memberitahu kerja naik taraf sedemikian juga akan dijalankan di Kampung Tasik Permai membabitkan kos sekitar RM18 juta yang sedang diteliti Jabatan Pengaliran dan Saliran.

SELANGORKINI ONLINE

TARIKH : 30 OKTOBER 2024



Tol percuma sempena Deepavali

SHAH ALAM - Pengguna lebuhraya menikmati kemudahan tol percuma pada 29 dan 30 Oktober sempena sambutan Deepavali, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi.

Beliau memberitahu pelaksanaan tersebut dilaksanakan meliputi semua lebuhraya mulai jam 12.01 tengah malam pada 29 Oktober hingga 11.59 malam pada 30 Oktober, lapor Bernama.

Katanya, kemudahan tersebut hanya untuk kenderaan persendirian kecuali di sempadan negara iaitu Tol Bangunan Sultan Iskandar dan Tol Tanjung Kupang.

'Better inter-agency cooperation needed to manage Shah Alam floods'

By JADE CHAN
jade@thestar.com.my

INTER-AGENCY coordination must be improved among authorities and agencies in Shah Alam to better manage floods that are getting more frequent.

Shah Alam City Council (MBSA) councillor Simon Siow, who is in charge of Setia Alam, said cleaning of drainage infrastructure was vital.

MBSA's preparations to handle flash floods and monsoon-linked inundation needed improvement, he noted.

"There was flood in Setia Alam on Aug 20 that was linked to overflow of water from a flood detention pond onto the road.

"The rain that triggered the flood did not last long but it was heavy," Siow said during MBSA's full board meeting.

"I believe the problem was worsened by upgrading works in Klang, which is under the purview of either the Drainage and Irrigation Department (DID) or Klang Royal City Council.

"There was a subsequent meeting on Aug 26 involving MBSA, Klang and Petaling DID as well as Public Works Department to coordinate flood-related matters, but I have not seen anything being done since to address flooding in Setia Alam," he said.

Siow said although Klang DID suggested an on-site detention

pond in Setia Alam as a solution, he believed existing infrastructure was sufficient to cope as long as it was maintained and functioned at full capacity.

"There is a need to carry out desilting and cleaning works in earth drains.

"The capacity of existing earth drains would have reduced over the years, resulting in an overflow after heavy rain," he said, adding that these were his observations as a layman and that technical expertise was needed from MBSA's Engineering Department.

Responding to Siow's suggestion, Shah Alam mayor Datuk Mohd Fauzi Mohd Yatim said flood mitigation was complex as it involved multiple agencies, allocations from different authorities and drains with unidentified landowners.

"On MBSA's part, we have stepped up drain cleaning in anticipation of the northeast monsoon," he said.

"We are working with KDEB Waste Management to clean

hotspot areas on a weekly basis."

He added that cleaning works started in early October and would go on until the year end.

"We are focusing on scupper drains that tend to be filled with dried leaves, construction waste and silt, which reduces efficiency to channel excess water," said Mohd Fauzi.

He said Shah Alam's topography made it more prone to floods.

He also said that MBSA's quick-response squad (Pantas), assets and temporary evacuation centres were on standby to deal with any emergencies.

Pantas squad members, he said, had undergone training to ensure they were prepared to deal with potential emergencies stemming from the monsoon.

On MBSA's flood mitigation plan for this year, Mohd Fauzi said it would cost RM15.3mil.

Shah Alam has 25 flood hotspots including Taman Mesra (Section U2), Kampung Merbau Sempak (Section U17), Paya Jaras, Taman Bukit Kemuning (Section 32) and Kampung Kebun Bunga (Section 22).



Mohd Fauzi: Drainage hotspots cleaned weekly.

THE STAR

Tarikh: 30 OCT 2024

By SHEILA SRI PRIYA
sheilasriprya@thestar.com.my

PETALING Jaya City Council (MBPJ) will review its online traders' rental payment system for markets under its jurisdiction.

The system now automatically terminates licences of traders who fail to pay rent by the end of each month, requiring them to apply again for the licence.

The move follows complaints from 47 traders at Pasar Besar Jalan Othman who claimed that their trading licences were terminated for defaulting on paying one-month rental this month.

Petaling Jaya mayor Mohamad Zahri Samington made the decision to review the system after the matter was raised by a city councillor during the council's full board meeting yesterday.

This is also to spare traders the process of reapplying for the trading licence after automatic termination.

Mohamad Zahri, however, said the traders at the market in PJ Old Town, Selangor, had failed to pay rental for September and October and that MBPJ staff had followed procedure when terminating their licences.

"The traders were given three notices, followed by notice of termination of licence," he said.

City councillor Ahmad Akhir Pawan Chik, who raised the matter at the meeting, called for compassion.

"Traders at the market are daily wage earners.

"Many are willing to pay rent, but the online system barred payment after the due date.


"I suggest that as long as they pay within a stipulated time, they should be allowed to continue to trade.

MBPJ to study market traders' payment system

City councillor calls for compassion after 47 sellers at PJ Old Town market lose licences for defaulting on rent



One of the stalls at Pasar Besar Jalan Othman in Petaling Jaya covered in canvas after the trader received notice to vacate (inset) for failing to pay rent. — Filepics



"We can take a more lenient approach as these are long-time traders," said Ahmad Akhir.

He highlighted that reapplying for licences was a hassle for traders as well as for MBPJ staff.

"Traders have to take time off to gather all the application documentation while MBPJ staff, who could be focused on other matters, have to deal with the paperwork.

"I saw the whole process

myself and observed that it was time-consuming.

"I urge the matter to be reviewed, where traders can operate after paying the rent instead of having to reapply for the licence."

When contacted, Pasar Besar Jalan Othman Market Association deputy chairman Zulkarnain Shahbhari said he was grateful to Ahmad Akhir for raising their problem at the meeting.

He said although most of them were in the process of reapplying for licence, MBPJ had allowed them to trade as it was the Deepavali festive period.

On another matter, Ahmad Akhir urged MBPJ to review plots of land that had not been surrendered to the city council, especially those that were neglected.

"One was recently hit by flash floods. Some have become hubs for rubbish and abandoned

cars," Ahmad Akhir said.

Another councillor, Tan Wei Kiat, raised the issue of poor budget planning in MBPJ.

"Some departments have run out of budget even before the year ends, so I urge for proper planning," he said.

He also suggested MBPJ hold staggered programmes like workshops for the public throughout the year.

"Most of the workshops are held either at the end of the year, nearing public holidays or conducted too close to the next event," he said.

THE STAR

30 OCT 2024

Tarikh:.....

Fun event with creatures big, small and scaly

Selangor royal patron leads celebration for World Animal Day in Ampang Jaya

SELANGOR Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) celebrated World Animal Day with a showcase of creatures small and tiny, furry, scaly and feathered.

The showcase in Ampang, Selangor, was aimed at improving awareness of the welfare of animals and strays.

Selangor SPCA chairman Christine Chin accompanied Tengku Permaisuri Norashikin who graced the event.

In her speech, Chin thanked Tengku Permaisuri Norashikin for being the patron of Stray Free Selangor (SFS), an SPCA initiative to reduce the number of strays in the state.

"Tengku Permaisuri Norashikin has been a wonderful supporter of our cause, whom we could not have done without," said Chin.

"Since becoming our patron, Her Royal Highness has helped raise almost RM2mil to help spay and neuter strays in Selangor," she added.

Some 13,700 animals have been spayed and neutered under the SFS initiative that was launched in 2017, according to an SPCA spokesperson.

Tengku Permaisuri Norashikin and Chin also gave tokens of appreciation to those involved in the "Potong Royong" programme, another spay-and-neuter initiative for cats and dogs, which has seen more than 2,400 strays sterilised statewide.

The World Animal Day celebration also featured various activities such as petting zoo courtesy of Farm in the City and reptile exhibition by Wildlife and National Parks Department, while Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) had a booth for residents to apply and renew dog licences.

There was also a demonstration by the Fire and Rescue Department K9 unit that enthralled the spectators.

Also present at the event were Bukit Antarabangsa assemblyman Mohd Kamri Kamaruddin and Subang Jaya assemblyman Michelle Ng.



Tengku Permaisuri Norashikin with Chin (left) checking out a hedgehog that is part of the menagerie at the SPCA event. — Photos: AZMAN GHANI/The Star



Intriguing ball python (left) and blue-and-yellow macaw (above) creating a buzz at the World Animal Day celebration in Ampang to improve awareness about the welfare of animals and strays.

THE STAR

30 OCT 2024

Tarikh:.....

Deepavali: Trafik dijangka meningkat kepada 2.1 juta kenderaan

FOTO: BERNAMA

SHAH ALAM - PLUS Malaysia Berhad (PLUS) menjangkakan aliran trafik meningkat kepada 2.1 juta kenderaan pada 30 Oktober, 2 dan 3 November ini sempena cuti perayaan Deepavali.

Pengarah Urusan PLUS, Datuk Nik Airina Nik Jaffar berkata, pihaknya telah membuat persiapan rapi bagi memastikan perjalanan pengguna di semua lebuh raya selamat dan selesa.

Selain itu, menurutnya, PLUS turut mengaktifkan *Smart Lane* di 21 lokasi kritikal dan menambah baik kemudahan di hentian rehat dan rawat (R&R) demi keselesaan pengguna lebuh raya.

"PLUS komited untuk terus menaik taraf tandas di R&R, hentian sebelah dan plaza tol."

"Sepanjang tahun lalu hingga tahun ini, kira-kira RM37.5 juta dibelanjakan untuk menaik taraf serta menambah baik tandas awam di 60 lokasi kawasan rehat."

"Kami juga menyediakan jadual Cadangan Waktu Perjalanan MyPLUS atau MyPLUSTTA menerusi aplikasi PLUS bagi membantu mengagihkan trafik."

"Pada masa sama, kami

“

dit
30/10


PLUS komited untuk terus menaik taraf tandas di R&R, hentian sebelah dan plaza tol. Sepanjang tahun lalu hingga tahun ini, kira-kira RM37.5 juta dibelanjakan untuk menaik taraf serta menambah baik tandas awam di 60 lokasi kawasan rehat."

- Nik Airina Nik Jaffar

ingin mengingatkan pengguna agar memandu berhati-hati, rancang perjalanan dengan teliti dan bersabar sepanjang musim perayaan ini kerana trafik dijangka meningkat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau persediaan PLUS sempena perayaan Deepavali di Pusat Pemantauan Trafik Plus di Menara Persada PLUS pada Isnin.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Sektor Dasar dan Pembangunan), Datuk Zahrul Hakim Abdullah yang turut menyempurnakan Majlis



PLUS menjangkakan trafik meningkat kepada 2.1 juta kenderaan sempena cuti perayaan Deepavali.

Penyampaian Hadiah Kempen Sambutan Bulan Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024.

Media sebelum ini melaporkan pengguna lebuh raya di seluruh negara bakal menikmati tol percuma pada 29 dan 30 Oktober sempena perayaan Deepavali.

Menteri Kerja Raya, Datuk

Seri Alexander Nanta Linggi dalam satu kenyataan memaklumkan, tol percuma itu akan dilaksanakan di semua lebuh raya bermula 12.01 tengah malam, Selasa hingga 11.59 malam, Rabu.

Bagaimanapun, beliau berkata, pengecualian itu hanya diberikan kepada kenderaan Kelas

1 (kenderaan persendirian) di semua plaza tol kecuali di sempadan negara iaitu Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI) Lebuh raya Utara Selatan (PLUS) dan Tol Tanjung Kupang, Lebuh raya Laluan Kedua Malaysia-Singapura (LINKEDUA) Johor Darul Takzim.

SINAR HARIAN
Tarikh: 30 OCT 2024

Penyasaran subsidi tetap diteruskan

81 30/10
Takrifan T15 bagaimanapun dikaji semula kepada ambang pendapatan RM13,000 ke RM15,000 sebulan

Oleh NURHIDAYAH HAIROM
KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa kerajaan tetap akan mempertahankan kepentingan 85 peratus rakyat menerusi pelaksanaan penyasaran subsidi petrol RON95 yang dicadangkan pada pertengahan tahun depan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, hanya warga asing dan golongan maha kaya (T15) perlu membayar petrol RON95 mengikut harga pasaran tanpa subsidi.

"Yang penting di sini adalah bahawa subsidi tidak mem-

bebakan 85 peratus rakyat, jadi sepatutnya kita janganlah jadi jaguh T15 seperti yang disuarakan banyak (pihak) dan macam-macam (oleh) pembangkang.

"Wajar kita kenakan bayaran semasa ikut (harga) pasaran kepada golongan maha kaya dan teratas, itu pun tak boleh?" kata beliau pada sesi Waktu-Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) mengenai definisi T15 dalam soal subsidi

bersasar untuk petrol RON95 seperti yang dinyatakan dalam Belanjawan 2025.

Menerusi belanjawan tersebut, kerajaan bercadang untuk melaksanakan penyasaran subsidi RON95 pada pertengahan tahun depan dengan anggaran sekitar RM12 bilion untuk 85 peratus rakyat Malaysia.

Anwar bagaimanapun berkata, kerajaan mengambil lang-



ANWAR

kah mengkaji semula takrifan T15 selepas berpandangan jumlah kira-kira RM13,000 sebulan yang ditetapkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi golongan itu pada ketika ini adalah terlalu rendah.

Justeru, beliau berkata, tidak timbul wujud kecelaruan takrifan yang dibangkitkan ahli Parlimen pembangkang.

Menurutnya, perkara tersebut sedang dibincangkan oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan jabatan berkaitan bagi meningkatkan kuantum T15 supaya tidak membebankan serta pendapatan seisi keluarga tidak terikat dengan takrifan sedia ada.

"Maknanya, kita lepaskan tanggungjawab ini membayar kepada B40, M40 dan bila dikaji ada rangkaian daripada T20 ini peringkat-peringkat bawah itu mungkin pendapatannya agak



Penyasaran subsidi RON95 pada pertengahan tahun depan dianggarkan sekitar RM12 bilion untuk 85 peratus rakyat Malaysia.

sedikit rendah, maka dinaikkan dan ini bukan perkara baharu.

"Sebab dalam penyasaran subsidi diesel digunakan prinsip yang sama T15. Apa kuantumnya? Itu sedang dikaji kerana kita rasa yang ditekankan oleh DOSM sekitar RM13,000 (sebulan) mungkin terlalu rendah.

"Rencana sekarang yang dibincangkan oleh jabatan-jabatan berkaitan Kementerian Kewangan dan Kementerian

Ekonomi dan KPDN ialah untuk menaikkan sedikit supaya tidak membebankan. Jadi pendapatan sesi keluarga itu tidak terikat dengan yang ada sekarang.

"Kita fikir nak naikan RM15,000 ke RM20,000 (sebulan). Itu sedang dibincangkan.

"Jadi tidak ada percanggahan sama sekali. Ini dirujuk kepada kepada jemaah menteri," jelas beliau.

SINAR HARIAN

Tarikh:3...0...OCT...2024....

Ubah suai SST, masukkan ciri penting GST

Pulangan pendapatan negara boleh ditingkatkan menerusi percukaian

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA**

Kerajaan mempunyai ruang untuk mengubahsuai Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) dengan memasukkan beberapa ciri penting Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST).

Pakar ekonomi dari Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (MUST), Profesor Emeritus Dr Barjoiyai Bardai berkata, langkah itu dilihat mampu meningkatkan pulangan pendapatan kepada negara menerusi percukaian.

Jelas beliau, ciri *cascading effect* atau pun *snowballing effect* dalam GST di mana terdapat cukai ke atas cukai itu boleh dikeluarkan dengan mewujudkan peraturan baharu.

"Misalnya kita tidak cukai barang input dibeli pengilang dan pemborong. Tapi kalau kita cukai di peringkat peruncit, ia memang sama seperti GST cuma yang kena bayar ialah peruncit bukan pengguna. Itu saja membezakan.

"Kita boleh strukturkan supaya SST digunakan begitu dan kerajaan akhirnya dapat kesan positif daripada SST tanpa bebankan rakyat," katanya pada Selasa.

Menurutnya, ciri GST yang dikatakan mempunyai rekod penuh sehingga peniaga tidak dapat mengelakkannya daripada membayar cukai boleh diwujudkan dalam SST.

"Paling penting dikatakan GST mempunyai asas cukai lebih besar dan boleh juga boleh dimasukkan dalam SST," jelasnya.

Beliau berkata demikian mengulas cadangan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong agar kerajaan mengemulakan semula GST dan pengenalan levi petrol sekiranya mahu menambah pendapatan negara melalui cukai serta subsidi.

Menurut Ka Siong, GST disifatkan lebih adil berbanding SST kerana ia diambil kira berdasarkan perbelanjaan individu semata-mata.

Ujar Barjoiyai, masyarakat dilihat lebih selesa dengan SST berbanding GST sejak lebih 60 tahun pelaksanaannya walaupun jumlah kutipan cukai sedikit rendah ketimbang GST.

"GST dikatakan satu cukai lebih baik dan ia merupakan padanan kepada Cukai Nilai Tambah (VAT) yang telah dilaksanakan di 190 negara.

"Tetapi tidak ada satu pun cukai terbaik di dunia ini," jelas beliau.

Tambah Barjoiyai, pelaksanaan GST



BARJOYAI

akan memberi kesan psikologi kepada rakyat.

Menurutnya, rakyat merasa tertekan apabila melihat angka cukai di dalam bil mereka.

"Maksudnya apa yang dibeli harganya belum masuk GST, kemudian ditambah cukai enam peratus pada bil, jadi pengguna terpaksa bayar lebih. Itu yang jadi isu," katanya.

Dalam pada itu, beliau menyifatkan cadangan Ka Siong agar kerajaan memperkenalkan levi petrol sebagai ketinggalan.

Jelas Barjoiyai, kerajaan sepatutnya menumpukan cukai ke atas golongan tiga pe-

ratus orang terkaya di Malaysia yang menguasai lebih 65 peratus ekonomi negara.

"Sebelum ini kumpulan tiga peratus tersebut dikecualikan yang mana dividen dan keuntungan jual beli saham tidak dikenakan cukai.

"Jadi sekarang ini barulah kerajaan secara perlahan-lahan memperkenalkan cukai ke atas mereka dan memperbaikinya tahun demi tahun.

"Saya rasa ia akan jadi sumber cukai penting negara dan golongan M40 dan B40 boleh dikecualikan," katanya.

GST

- GST diperkenalkan pada pada 1 April 2015 dengan kadar standard enam peratus.
- Bagaimanapun, tiga tahun kemudian pada Mei, Kementerian Kewangan mengumumkan GST dimansuhkan dan digantikan SST.

SINAR HARIAN

30 OCT 2024

Tarikh:

Subsidi RON95 demi manfaat 85 peratus golongan bawahan

KOSMO
30/10

KUALA LUMPUR – Keputusan kerajaan untuk melaksanakan penyasaran subsidi minyak RON95 yang bakal dilaksanakan pada pertengahan 2025 adalah demi manfaat kepada 85 peratus golongan bawahan di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, beliau sendiri mengambil maklum mengenai isu takrifan sebenar pendapatan T15 khususnya pandangan sesetengah pihak bahawa pendapatan isi rumah RM13,000 sebulan tidak sepatutnya termasuk dalam golongan berkenaan.

“Secara prinsip kerajaan bersetuju nilai itu perlu dikaji agar bersesuaian dengan realiti semasa.

“Saya sedikit runsing kerana seperti kita tidak banyak bicara soal mempertahankan kepentingan golongan bawahan. Apakah 85 peratus rakyat bawahan itu tak penting?” soalnya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Nik Muhammad Zawawi Salleh (**PN-Pasir Puteh**) yang ingin mengetahui definisi sebenar T15, yang didakwa terdapat pelbagai tafsiran.

Ketika menjawab pertanyaan Khoo Poay Tiong (**PH-Kota Melaka**) yang meminta Perdana Menteri memaklumkan mekanisme pelaksanaan cukai dividen dua peratus ke atas bagi pendapatan dividen melebihi RM100,000 bagi pemegang saham individu, Anwar berkata, secara prinsipnya cukai tersebut adalah kepada individu yang mempunyai sekitar RM2 juta dalam bentuk saham.

“Orang yang ada RM2 juta, bayarlah. Sama ada melibatkan syarikat tersenarai atau tidak. Dengan cara ini, kita ada sistem cukai komprehensif. Kalau ada dua juta saham dengan dividen RM100,000 hanya RM800 sahaja setahun. Takkan tak boleh bayar,” katanya.



KERAJAAN akan melaksanakan penyasaran subsidi RON95 bermula pertengahan tahun depan.

KOSMO
30 OCT 2024

Tarikh:



ANWAR ketika menjawab Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Jumlah RM13,000 disifatkan masih rendah

Kerajaan sedang kaji semula takrifan T15

Oleh RASDAN AHMAD

KUALA LUMPUR – Kerajaan mengambil langkah untuk mengkaji semula takrifan bagi T15 selepas berpandangan jumlah RM13,000 yang ditetapkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) bagi golongan itu ketika ini adalah terlalu rendah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, perkara tersebut sedang dibincangkan oleh Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan jabatan berkaitan bagi meningkatkan kuantum T15 supaya tidak membebankan dan pendapatan seisi keluarga tidak terikat dengan takrifan sedia ada.

"Maknanya kita lepaskan

DEWAN NEGARA



tanggungjawab membayar (harga pasaran bagi petrol RON95) kepada B40, M40 dan bila dikaji, ada rangkaian daripada T20 ini di peringkat bawah yang mungkin pendapatannya agak sedikit rendah.

"Sebab dalam penyasaran subsidi diesel digunakan prinsip yang sama T15. Apa kuantumnya dan itu sedang dikaji, kerana kita rasa yang ditekankan oleh DOSM sekitar RM13,000 mungkin ter-

lalu rendah," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Khoo Poay Tiong (**PH-Kota Melaka**) mengenai definisi T15 dalam soal subsidi bersasar untuk petrol RON95 seperti yang dinyatakan dalam Belanjawan 2025.

Tambah Anwar, rencana sekarang yang dibincangkan oleh jabatan-jabatan berkaitan ialah untuk menaikkan sedikit, supaya tidak membebankan.

"Jadi, pendapatan sesi keluarga itu tidak terikat dengan yang ada sekarang.

"Kita fikir nak naikan RM15,000 ke RM20,000 dan itu sedang dibincangkan. Jadi tidak ada percanggahan sama sekali, ini dirujuk kepada jemaah menteri," katanya.

KOSMO

Tarikh: 30 OCT 2024

Aliran trafik 2.62 juta sehari

2,752 anggota JSPT ditugaskan untuk pasti kelancaran pergerakan sepanjang cuti Deepavali

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my



HM
30/10

Kuala Lumpur

Seramai 2,752 anggota dan pegawai jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) Bukit Aman ditugaskan bagi memastikan kelancaran pergerakan lalu lintas sepanjang tempoh cuti Deepavali dan cuti hujung minggu.

Pengarahannya, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata, aliran trafik sepanjang tempoh berkenaan dijangka meningkat susulan cuti Deepavali serta tawaran tol percuma semalam dan hari ini sempena perayaan itu.

"JSPT menjangkakan aliran trafik akan sesak dengan pertambahan jumlah kenderaan. Melalui maklumat daripada pihak Konsepsi Lebuhraya Utama (Plus) dan lebuhraya utama (Plus) dan lebuhraya utama (Plus) yang lain, jangkaan 2.62 juta kenderaan dalam tempoh sehari.

"Pihak Plus Berhad juga akan mengaktifkan 21 lokasi smartlane bagi mengurangkan kesesakan di lebuhraya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya


"Daripada segi penguatkuasaan pula, tindakan dengan keutamaan kepada elemen advokasi, penyusunan aliran trafik dan penguatkuasaan akan dilaksanakan kepada pengguna jalan raya yang tidak mematuhi peraturan jalan raya"

Datuk Seri Mohd Yusri
Hassan Basri

juga menjangkakan pergerakan ke pantai timur, utara dan selatan tanah air bakal meningkat secara luar biasa.

Pergerakan kenderaan di pantai barat juga dijangka berlaku peningkatan seperti di Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Perak dan Pulau Pinang.

"Daripada segi penguatkuasaan pula, tindakan dengan keutamaan kepada elemen advokasi, penyusunan aliran trafik dan penguatkuasaan akan dilaksanakan kepada pengguna jalan raya yang tidak me-



PERGERAKAN kenderaan ke pantai timur, utara dan selatan tanah air dijangka bakal meningkat secara luar biasa.

matuhi peraturan jalan raya," katanya.

Mohd Yusri turut menyarankan kepada semua pengguna jalan raya, khususnya kenderaan berat atau

perdagangan, supaya memastikan kenderaan berada di tahap terbaik, mematuhi segala peraturan yang ditetapkan, bertimbang rasa dan bertolak an-

sur dengan pengguna kenderaan lain.

"Semua pengguna jalan raya diseru untuk merancang dahulu pergerakan terutama perjalanan yang

jauh. Peka dengan persekitaran sekeliling dan maklumat semasa disampaikan daripada pihak agensi kerajaan juga pihak konsesi lebuhraya," katanya.

HARIAN METRO
Tarikh: 30 OCT 2024

Tebatan banjir perlu pendekatan holistik, perancangan pembangunan

• Walaupun tebatan banjir di negara ini mempunyai kelebihan dalam mengurangkan risiko dan impak banjir, kelemahan dalam pelaksanaan serta perancangan masih wujud

• Selain menyediakan peruntukan mencukupi, pendekatan terintegrasi dapat membantu memastikan keberkesanan dalam menangani isu banjir pada masa hadapan

Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my



Profesor Madya Institut Pengajian Sains Sosial Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Tebatan banjir antara isu penting dalam Belanjawan 2025, memandangkan kita sering berdepan masalah banjir serius, terutama akibat perubahan iklim dan pembangunan pesat.

Belanjawan 2025 memperuntukkan lebih banyak dana untuk projek tebatan banjir dan pengurusan air termasuk pembinaan tembok banjir, kolam penampung dan penambahbaikan sistem saliran berjumlah RM750 juta. Ia turut memfokuskan pembangunan infrastruktur tahan banjir dan berkesan dalam mengurus aliran air. Sebahagian belanjawan berkenaan turut diperuntukkan untuk program pemulihan bagi kawasan terjejas oleh banjir, termasuk bantuan kewangan kepada penduduk kehilangan harta benda, selain aspek kesedaran kepada masyarakat setempat terhadap pengurusan banjir melalui program pendidikan.

Peruntukan hampir RM600 juta disediakan untuk Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai persiapan menghadapi musibah banjir, termasuk lebih RM300 juta sebagai persiapan sekiranya berlaku bencana bila-bila masa.

Penyaluran segera RM150 juta turut diberi kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk memulakan kerja pembersihan longkang serta pengorekan sungai di kota terkesan.

Fokus ini juga bertepatan dengan statistik global yang menyaksikan banjir menyumbang kepada 60 peratus kerugian akibat bencana alam. Menurut Bank Dunia, kerugian ekonomi akibat banjir boleh mencecah sehingga AS\$10 bilion (RM44 bilion) setahun bagi negara tertentu.

Kajian di Amerika Syarikat (AS) menunjukkan kawasan tidak mempunyai langkah tebatan banjir berkesan mencatatkan kadar kematian lebih tinggi semasa bencana itu. Maka, tebatan banjir adalah langkah penting dalam pengurusan risiko banjir.

Tebatan banjir merangkumi struktur fizikal dan pengurusan aliran air. Struktur fizikal membabitkan reka bentuk fizikal berasaskan kejuruteraan seperti pembinaan tembok banjir untuk menahan aliran air dan kolam penampung, lafau kawasan direka untuk menyimpan air semasa hujan lebat seperti di Shah Alam bertujuan mencegah kerosakan kepada bangunan dan jalan raya serta mengurangkan kos pemulihan.

Projek Sistem Pengurusan Air Hujan dan Tebatan Banjir (SMART) misalnya berjaya mengurangkan insiden banjir di Kuala Lumpur sebanyak 60 peratus semasa hujan lebat sejak ia dilaksanakan.

Pengurusan aliran air pula menggunakan kaedah bukan kejuruteraan bertujuan meningkatkan sistem saliran secara efektif untuk mengalirkan air dengan lebih baik dan melakukan restorasi ekosistem bertujuan memulihkan kawasan paya serta hutan untuk menyerap lebih banyak air.

Program pendidikan dan latihan dijalankan JPS dalam usaha meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan banjir juga terangkum dalam kaedah ini.

Tebatan banjir sangat penting kerana ia dapat melindungi kehidupan dan keselamatan akibat insiden

banjir berpotensi menyebabkan kehilangan nyawa dan kecederaan.

Dengan adanya tebatan banjir, risiko terhadap keselamatan penduduk dapat dikurangkan. Contohnya, sistem amaran awal dan langkah tebatan dapat memberikan masa untuk penduduk berpindah sebelum bencana itu melanda.

Malah, tebatan banjir berupaya mengurangkan kerugian harta benda yang berisiko menyebabkan kerosakan besar kepada rumah, bangunan dan infrastruktur.

Tebatan banjir membantu mengurangkan impak ini, seterusnya melindungi harta benda. Laporan menunjukkan kerugian ekonomi akibat banjir dapat mencapai berbilion ringgit tanpa langkah pencegahan.

Sokong aktiviti ekonomi, jaga kualiti alam sekitar

Selain itu, tebatan banjir dapat menyokong aktiviti ekonomi. Ini kerana banjir berulang boleh merosakkan aktiviti ekonomi di kawasan terjejas, sekali gus menjadikan sistem tebatan berkesan dapat memastikan kawasan perniagaan dan industri dapat beroperasi dengan lebih selamat seterusnya meningkatkan keyakinan pelabur.

Seterusnya, sistem ini berupaya menjaga kualiti alam sekitar disebabkan tebatan banjir baik boleh membantu dalam memulihkan ekosistem dengan mengelakkan pencemaran air.

Kolam penampung dan kawasan hijau misalnya dapat menyerap air hujan, mengurangkan larian air permukaan serta melindungi habitat semula jadi. Pelaksanaan tebatan banjir juga sering kali membabitkan peningkatan infrastruktur saliran dan pengurusan air.

Ini bukan sahaja mengurangkan risiko banjir, bahkan meningkatkan kualiti sistem pengairan dan pengurusan air secara keseluruhan. Malah, sistem ini mampu mengadaptasi perubahan iklim yang menyebabkan pola cuaca tidak menentu dan peningkatan kejadian hujan lebat.

Tebatan banjir dapat membantu masyarakat menyesuaikan diri dengan cabaran baharu ini, seterusnya memberi perlindungan tambahan terhadap insiden banjir semakin kerap.

Sokongan program pendidikan dapat membantu masyarakat memahami tindakan perlu diambil sebelum, semasa dan selepas banjir.

Hakikatnya, tebatan banjir berkesan memerlukan kombinasi struktur fizikal, pengurusan sumber dan pemulihan ekosistem. Tebatan banjir berkesan adalah



strategi digunakan untuk mengurangkan risiko dan impak banjir.

Antara objektif utama tebatan banjir adalah melindungi kawasan kediaman dan infrastruktur, mengurangkan kerosakan harta benda dan memastikan keselamatan penduduk.

Dengan adanya sistem tebatan berkesan, proses pemulihan selepas banjir menjadi lebih cepat dan berkesan. Ini membantu masyarakat untuk kembali kepada keadaan normal dengan lebih cepat, mengurangkan tekanan sosial dan ekonomi.

Walaupun tebatan banjir di negara ini mempunyai kelebihan dalam mengurangkan risiko dan impak banjir, kelemahan dalam pelaksanaan serta perancangan masih wujud.

Antaranya, pembangunan tidak terkawal dan tidak dirancang dengan baik sering kali mengabaikan sistem saliran sedia ada hingga menyebabkan aliran air terhalang.

Di Pulau Pinang, kawasan pembangunan baharu menyebabkan peningkatan insiden banjir kilat, manakala program tebatan banjir membabitkan pembinaan kolam penampung dan tembok banjir di Johor Bahru masih 'gagal' mengekang banjir besar yang berlaku pada 2021 hingga menjejaskan ribuan penduduk.

Bencana banjir terbahit menyebabkan kerugian lebih RM400 juta. Selain itu, banyak kawasan masih mempunyai sistem saliran tidak mencukupi dalam menangani jumlah air hujan tinggi seperti didekahkan laporan JPS bahawa lebih 60 peratus daripada kawasan bandar di negara ini menghadapi masalah saliran tidak mencukupi.

Projek tebatan di Sungai Klang walaupun berjaya mengurangkan kejadian banjir besar, kejadian banjir kilat masih berlaku seperti bencana pada 2020, kawasan tertentu mencatatkan kerugian hingga RM100 juta.

Keberkesanan tebatan banjir memerlukan pendekatan holistik membabitkan pemulihan ekosistem, perancangan bandar lebih baik dan peningkatan sistem saliran.

Selain menyediakan peruntukan mencukupi, pendekatan terintegrasi dapat membantu memastikan keberkesanan dalam menangani isu banjir pada masa hadapan.

Peruntukan meningkat kepada projek tebatan banjir dalam Belanjawan 2025 adalah langkah penting untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Dengan peruntukan tepat dan pendekatan bersepadu, Malaysia dapat mengurangkan risiko banjir serta melindungi kehidupan dan harta benda penduduk.



Dasar mesra keluarga tingkat tenaga kerja wanita



Oleh Hawati Abdul Hamid
bhrencana@bh.com.my

3/10/24

Hari Penjagaan dan Sokongan Antarabangsa disambut semalam, adalah untuk meraikan kerja penjagaan serta menyelami hubung kait dengan kesaksamaan gender.

Kajian terbaru Khazanah Research Institute (KRI) mendapati isu penjagaan anak, tanggungjawab rumah tangga dan persepsi stereotaip terhadap peranan tradisi lelaki-wanita kekal menjadi cabaran utama dalam melonjakkan pembabitan wanita dalam sektor pekerjaan.

Dua kertas kajian bertajuk *Gender Gap in the World of Work: Status and Progress dan Individual Attributes, Values and the Gender Employment Gap*, menganalisis pencapaian Malaysia dalam menangani jurang gender sepanjang lima dekad lalu, di samping meneliti pengaruh nilai dan sifat individu ke atas pembabitan antara lelaki dengan wanita dalam dunia pekerjaan.

Malaysia mencapai kemajuan memberangsangkan dalam meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita daripada 37.2 peratus pada 1970 kepada 56.2 peratus (2023).

Pencapaian positif juga dapat dilihat dalam mengurangkan pembabitan wanita dalam pekerjaan tidak formal, memperluas peluang dalam pekerjaan profesional dan berkemahiran serta merapatkan jurang pendapatan.

Namun, tahap penyertaan tenaga buruh wanita

masih 25 peratus lebih rendah berbanding lelaki dan tidak menampakkan peningkatan ketara sejak beberapa tahun lalu. Kadar penyertaan lelaki berusia 25 hingga 54 tahun, iaitu fasa paling produktif sentiasa berada pada tahap hampir 100 peratus sepanjang empat dekad lalu.

Sebaliknya, trend bagi wanita tidak konsisten seperti lelaki dan menunjukkan trend naik turun ketara mengikut fasa hidup mereka. Penyertaan wanita dalam pasaran kerja adalah tinggi ketika berusia lewat 20-an, kemudian menurun pada usia 30-an sebelum meningkat semula pada usia 40-an.

Trend ini menunjukkan keputusan wanita bekerja atau meninggalkan pasaran buruh banyak dipengaruhi fasa hidup mereka seperti berkahwin dan membesarkan anak.

Satu trend positif ialah adalah segi tempoh berhenti dan kembali bekerja lebih singkat dalam kalangan wanita kini berbanding generasi terdahulu. Senario ini boleh dikaitkan perubahan sosiodemografi seperti penurunan kadar kesuburan menyebabkan bilangan anak lebih rendah, didorong faktor peningkatan tahap pendidikan wanita dan proses urbanisasi pesat.

Berdepan cabaran persepsi negatif

Di samping itu, pelaksanaan dasar khusus menggalakkan wanita kembali bekerja serta sistem perkhidmatan penjagaan juga membantu. Kajian ini turut mengetengahkan perbezaan impak menjadi ibu bapa antara lelaki dengan wanita. Tanggungjawab penjagaan anak berat sebelah terus menjadi

penghalang wanita untuk bekerja, iaitu fenomena dikenali sebagai *motherhood penalty*.

Sebaliknya, lelaki berkahwin dan mempunyai anak menikmati *fatherhood premium* apabila kehadiran anak meningkatkan kecenderungan mereka untuk bekerja.

Lelaki berkeluarga dilihat lebih stabil dan bertanggungjawab, sekali gus memperoleh peluang kerjaya lebih baik, manakala wanita pula perlu berdepan dengan cabaran persepsi negatif serta keraguan mengenai komitmen terhadap kerjaya.

Kajian ini mengenal pasti ketidakseimbangan di tempat kerja dan rumah, selain stereotaip peranan gender adalah dua aspek perlu ditangani dalam merapatkan jurang gender.

Polisi mesra keluarga seperti kerja fleksibel, cuti bersalin dan paterniti serta kos penjagaan anak berpatutan dapat menyokong wanita dalam mengimbangi antara tanggungjawab kerja dengan keluarga. Selain itu, menangani persepsi terhadap peranan tradisi lelaki-wanita dengan menekankan pembabitan lebih aktif oleh lelaki di rumah tidak kurang pentingnya.

Selari perubahan demografi di negara ini, satu kerangka menyeimbangkan tanggungjawab penjagaan antara isi rumah, sektor swasta, kerajaan dan komuniti perlu diperkukuh bagi memberdaya wanita dan keluarga. Sasaran Ekonomi MADANI untuk mencapai kadar penyertaan tenaga kerja wanita sebanyak 60 peratus tidak mustahil, namun usaha perlu ditingkatkan untuk mencapai matlamat berkenaan dalam tempoh ditetapkan.

BERITA HARIAN
Tarikh... 30 OCT 2024

DBKL pertimbang bangunkan sistem terowong utiliti

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang mempertimbangkan cadangan untuk melaksanakan sistem terowong utiliti atau *Common Utility Cut* (CUT) yang digunakan di Putrajaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr. Zaleha Mustafa berkata, sistem terowong tersebut boleh menyediakan perlindungan kepada infrastruktur utiliti seperti kabel elektrik, paip air dan telekomunikasi daripada kerosakan semasa pembinaan.

Kata beliau, CUT juga membolehkan akses selamat untuk penyelenggaraan selain boleh diintegrasikan dengan pusat kawalan bandar menggunakan teknologi telemetri bagi pemantauan keselamatan.

“Dengan mengguna pakai teknologi ini, DBKL sudah pasti dapat meningkatkan kecekapan dan keselamatan dalam penyelenggaraan utiliti bawah tanah, secara terancang dan menyeluruh, seiring dengan visi *CHASE City* untuk bandar yang selamat, sihat, dan Lestari,” katanya Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Menteri (MQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau) yang bertanya apakah rancangan kerajaan untuk menaik taraf dan menyelenggara utiliti di bawah tanah di ibu negara.

Mengulas lanjut, Dr. Zaleha berkata, penambahbaikan akan terus dilaksanakan bagi memperkasakan peranan DBKL dari semasa ke semasa.

“Saya telah mencadangkan kepada Datuk Bandar supaya DBKL mencontohi amalan ter-



Saya telah mencadangkan kepada Datuk Bandar supaya DBKL mencontohi amalan terbaik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara maju yang memainkan peranan lebih besar dalam pemetaan utiliti bawah tanah.”

DR. ZALEHA MUSTAFA

baik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negara maju yang memainkan peranan lebih besar dalam pemetaan utiliti bawah tanah,” jelasnya.

Sementara itu, beliau menjelaskan, DBKL hanya terlibat secara tidak langsung dalam mengawal selia kerja-kerja melibatkan utiliti bawah tanah terutama dari aspek pengeluaran permit korekan, pemantauan keselamatan dan memastikan kerja-kerja dilakukan mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

Katanya, tanggungjawab bagi kerja naik taraf dan penyelenggaraan utiliti bawah tanah seperti pembentungan, bekalan air, elektrik dan telekomunikasi di Kuala Lumpur terletak pada syarikat-syarikat yang memiliki aset tersebut.

KDNK awalan suku ketiga dianggar 5.3% ^{um 30/10}

Oleh HENDRA WINARNO
hendrawinarno@medianesia.com.my

PETALING JAYA: Anggaran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Awalan Malaysia mencatatkan pertumbuhan 5.3 peratus pada suku ketiga 2024, berbanding pertumbuhan 5.9 peratus pada suku tahun sebelumnya, menurut Jabatan Perangkaan.

Menilai keadaan ekonomi global terkini, Laporan Semantara Ramalan Ekonomi OECD bagi September 2024, menjangkakan KDNK global akan kekal stabil pada 3.2 peratus pada 2024 dan 2025, dipengaruhi oleh disinflasi, peningkatan pendapatan sebenar dan kelonggaran dasar monetari.

Selain itu, Laporan Ekonomi Bank Dunia bagi Asia Timur dan Pasifik (Oktober 2024) baru-baru ini mengunjurkan pertumbuhan 4.8 peratus bagi rantau Asia Timur dan Pasifik pada 2024, mengatasi pasaran baru muncul dan ekonomi maju yang lain.

Melihat kepada senario ekonomi Malaysia, Ketua Per-

angkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, pertumbuhan itu disumbangkan oleh semua sektor, terutamanya sektor perkhidmatan dan pembuatan kecuali sektor perlombongan dan pengkuarian yang mengalami penurunan.

Jelasnya, bagi prestasi indikator ekonomi bulanan, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) pada Ogos 2024 menunjukkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 4.1 peratus berbanding 5.3 peratus pada Julai.

"Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh peningkatan 6.5 peratus dalam pengeluaran sektor pembuatan, berbanding dengan 7.7 peratus pada bulan sebelumnya, dan sektor elektrik mencatatkan peningkatan 4.1 peratus berbanding 7.0 peratus pada Julai.

"Pada masa yang sama, jualan sektor pembuatan meningkat 7.7 peratus tahun ke tahun, berjumlah RM163.9 bilion, disumbang oleh subsektor makanan, minuman, dan tembakau (16.1 peratus) serta produk elektrik dan elektronik

(E&E) (10.4 peratus).

"Bagi industri berorientasikan eksport yang menyumbang 72.7 peratus daripada jumlah nilai jualan, mengalami pertumbuhan 7.8 peratus, manakala industri berorientasikan domestik meningkat 7.6 peratus.

"Prestasi ini menggambarkan ketahanan berterusan sektor perindustrian Malaysia dalam landskap ekonomi yang dinamik," katanya dalam kenyataan.

Menganalisis sektor perkhidmatan Malaysia, beliau berkata, perdagangan borong dan runcit menunjukkan prestasi yang stabil dengan jualan meningkat 4.7 peratus tahun ke tahun mencapai RM149.2 bilion pada Ogos.

"Pertumbuhan ini dicatatkan di semua subsektor iaitu perdagangan runcit (5.9 peratus), kenderaan bermotor (4.1 peratus) dan perdagangan borong (3.7 peratus).

"Kadar inflasi Malaysia mereda kepada 1.9 peratus pada Ogos sebahagian besarnya disumbang oleh kumpulan restoran dan perkhidmatan penginapan (3.2 peratus)," katanya.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh: 30 OCT 2024

Consider common utility tunnel system, KL City Hall urged

KUALA LUMPUR: To improve the efficiency of underground utility maintenance in the federal capital, Kuala Lumpur City Hall has been urged to consider the proposed development of a common utility tunnel system, similar to the one in Putrajaya.

Minister in the Prime Minister's Department (Federal Territories) Dr Zaliha Mustafa said the system in Putrajaya provides protection to utility infrastructure, such as electricity cables, water pipes and telecommunications networks, from construction damage while also allowing safe access for maintenance.

"The system can be integrated with the city's control centre using telemetry technology for safety monitoring. This technology could improve efficiency and safety in the maintenance of underground utilities.

"This is in line with Chase City's vision for a safe, healthy and sustainable city," she said in reply to a question from Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau) about government plans to upgrade and maintain underground utilities in Kuala Lumpur during the question-and-answer session in Dewan Rakyat yesterday.

She said improvements would continue to be implemented to strengthen Kuala Lumpur City Hall's role in increasing the efficiency of underground utility maintenance in the federal capital. — Bernama

THE SUN
30 OCT 2024

Tarikh:

New approach to urban planning needed: DPM ^{2/10}

PUTRAJAYA: Deputy Prime Minister Datuk Seri Fadillah Yusof has highlighted the need for a new approach to urban planning and development that goes beyond focusing solely on physical and spatial growth.

Fadillah, who is also Energy Transition and Water Transformation minister, said urban development encompasses the creation of inclusive, sustainable and competitive communities.

He said cities and big towns in Malaysia can no longer be viewed merely as economic hubs because the focus should also be on addressing climate change, population growth, technological advancement and social equity.

"Our cities are affected by climate change and the risk of disasters, especially floods, as the

Energy Transition and Water Transformation Ministry has identified 5,648 flood hotspots across the country," he said at the National Planning Congress yesterday.

He said ageing urban infrastructure needs to be modernised with advanced technology to meet the demands of the digital age.

"With the development of smart cities, we are not only enhancing the quality of life but also creating opportunities to design more connected, secure and responsive urban systems. This aligns with the principles of social justice and equality enshrined in *Madani* aspirations."

He suggested revitalising urban areas that have become outdated or underdeveloped to make them more functional and appealing.

Fadillah emphasised the need for careful planning in the city's rapid development to preserve the community's connection to cultural and historical heritage.

"Identity and cultural heritage need to be preserved in urban planning so that the city becomes a reflection of our identity. An inclusive urban renewal process should ensure every layer of society is involved in the process."

He called on all parties, especially urban planners, to work together in building a brighter future for the country through sustainable and inclusive urban planning and development.

"Town planning is about facilitation. The role of town planners in the new era of the country's development is important." - Bernama

THE SUN

30 OCT 2024

Tarikh:

RM50 million for women entrepreneurs 20/10/24

KUALA LUMPUR: The Entrepreneurship and Cooperatives Development Ministry aims to channel the Prosperity Empowerment and A New Normal (PENN) for Indian Woman fund allocation of RM50 million to *Sahabat Usahawan India Amanah Ikhtiar Malaysia* by early next year.

Its deputy minister Datuk Seri R. Ramanan said as of Sept 30, RM22.715 million has been disbursed to 2,644 Indian women who became "entrepreneur friends" of the organisation after PENN was launched on April 13.

"It (disbursement of funds) is on target and we think that by the end of 2024 or the beginning of 2025, we will use up the fund," he said after attending a PENN special fund briefing and handover ceremony here on Monday.

"There was an increase in the trend of applications and approvals for the fund, with Perak recording the most recipients at 818, followed by Selangor at 535 and Pahang at 292.

"I would like to call on more Indian women, especially young women and university graduates who have not yet found a job, to enter the field of entrepreneurship." – Bernama

THE SUN

30 OCT 2024

Tarikh: